

29 JUL 1997

Menara

MENARA KL & STAR-LRT TAWAR PAKEJ SEMPENA HARI KEBANGSAAN (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Orang ramai boleh mendapat potongan RM2 untuk melawat Menara Kuala Lumpur sekiranya mereka membeli tiket berharga RM20 dan RM50 dari STAR-LRT mulai bulan depan.

Pengurus Pemasaran dan Komunikasi, Menara Kuala Lumpur Rozalina Rosli berkata hari ini pakej promosi itu diperkenalkan bersama STAR-LRT buat pertama kalinya sempena sambutan ke-40 tahun Hari Kebangsaan Ogos ini.

Pada persidangan berita di sini, beliau berkata baucer potongan boleh digunakan sehingga Hari Kebangsaan dan boleh ditebus daripada harga tiket RM8 bagi orang dewasa ke menara itu.

Selain daripada itu pelawat Menara Kuala Lumpur juga akan menerima baucer percuma ke Muzium Telekom selain hadiah di pintu masuk.

"Kami berharap pakej ini akan menggalakkan orang ramai untuk menikmati dua tarikan menarik di bandaraya, menggunakan LRT tanpa sebarang kesusahan, menikmati pemandangan panorama, keseronokan, makanan dan maklumat yang mempesonakan mengenai menara ini," katanya.

Selain itu murid-murid dan guru yang melawat menara juga akan mendapat bendera, alat tulis dan poster bagi promosi Hari Kebangsaan. Guru juga mendapat masuk secara percuma dengan setiap 10 orang murid yang dibawa.

Menara KL, yang dibuka Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada Oktober tahun lepas, menerima 1.4 juta pengunjung sehingga hari ini.

Dengan ketinggian 421 meter, ia menduduki tempat keempat tertinggi sebagai menara komunikasi di dunia, selepas Menara CN di Toronto, Kanada (553m), Menara Ostankino di Moscow, Russia (537m) dan Menara Shanghai di China (468m). -- BERNAMA

NAS NN AHH